

Bot rosak dibadai ombak

Nelayan Kuala Chenang rayu bina benteng pemecah ombak tambahan atas kerugian

Kira-kira 300 nelayan di pangkalan Kuala Chenang di sini, merayu kerajaan segera membina benteng pemecah ombak tambahan bagi menyelesaikan isu bot mereka kerap rosak ketika musim tengkujuh akibat dibadai ombak kuat.

Difahamkan, kumpulan nelayan terbabit sudah memaklumkan masalah itu kepada pemimpin setempat dan pihak berkuasa secara bertulis, tetapi masih tiada tindakan diambil sejak enam tahun lalu.

Peruntukan RM3.2 juta bagi membina benteng tambahan sejauh 100 meter itu juga didakwa sudah diluluskan bekas Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pada 2018, namun pembinaannya gagal dilaksana sehingga kini.

Pengerusi myKomuniti Perikanan (myKP) Kuala Chenang Ahmad Mahzan Ariffin berkata, benteng sedia ada kurang berkesan untuk menghalang ombak kuat daripada masuk ke jeti ponton terapung yang digunakan nelayan.

"Kerajaan perlu mempercepatkan pembinaan benteng pemecah ombak tambahan sejauh 100 meter iaitu sambungan kepada benteng sedia ada

Meluahkan perasaan sama, Timbalan Pengerusi myKP Kuala Chenang Ros-



SEBAHAGIAN bot milik nelayan di pangkalan nelayan Kuala Chenang, Langkawi yang dibawa untuk berlindung di alur sungai, tetapi berdepan pula air pasang surut dan lumpur.

yang tertangguh bagi mengelak bot ditambat rosak pada musim tengkujuh.

"Tanpa benteng tambahan itu, nelayan terpaksa membawa bot masuk ke alur sungai kecil berhampiran untuk berlindung, tapi berdepan pula masalah air pasang surut dan lumpur," katanya ditemui, semalam.

Meluahkan perasaan sama, Timbalan Pengerusi myKP Kuala Chenang Ros-

lan Ghazali berkata, nelayan pantai di situ yang bekerja 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang' memang tertekan jika bot sering rosak.

"Sehingga sekarang, sekurang-kurangnya enam bot nelayan yang ditambat di jeti ponton terapung mengalami kerosakan teruk termasuk dihantui air dan dipukul ombak kuat akibat dilanda cuaca buruk.

"Selain itu, beberapa aksesori di jeti ponton te-

"Kerajaan perlu mempercepatkan pembinaan benteng pemecah ombak tambahan sejauh 100 meter iaitu sambungan kepada benteng sedia ada"

*Pengerusi myKP
Kuala Chenang,
Ahmad Mahzan Ariffin*



ROSLAN menunjukkan jeti ponton terapung di Kompleks LKIM Kuala Chenang.

rapung ini juga banyak yang rosak termasuk tiga tiang konkrit patah dan tercabut serta skru pengikat terungkai, sekali gus mengundang risiko kepada nelayan," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuah Amar Pared Mahamud berkata, beliau turut menerima aduan daripada nelayan kawasan berkenaan dan bersympati dengan masalah terbabit.

"Bagaimanapun, isu yang

dibangkitkan nelayan itu (kelewatan pembinaan benteng pemecah ombak tambahan) di bawah tanggung jawab agensi Kerajaan Persekutuan iaitu Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).

"Saya sudah bangkitkan (perkara itu) di Dewan Undangan Negeri (Dun) yang bersidang ketika ini bagi mendapat maklum balas pihak berkaitan," katanya dihubungi, semalam.